

**SOALAN NO. : 504**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[DUNGUN]**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli minta MENTERI SUMBER  
ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan kos dan jaminan keselamatan  
pemeliharaan kawasan pantai Telok Lipat dan Pantai Sura Dungun.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian bagi pengawalan hakisan pantai di Pantai Teluk Lipat iaitu '*Principal Consultant For The Coastal Protection Works At Pantai Teluk Lipat, Dungun, Terengganu*' telah dilaksanakan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) pada Julai 2011. Hasil daripada kajian berkenaan ECERDC telah melaksanakan kerja-kerja pembinaan 4 buah *headlands* di kawasan pantai berkenaan.

Pada tahun 2016, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyediakan peruntukan berjumlah RM4,477,440.00 bagi penyelesaian segera untuk menangani hakisan yang teruk berlaku di Pantai Teluk Lipat pada 2 Feb 2016. Kerja tersebut telah dilaksanakan pada 25 Februari 2016 dan siap pada 23 Jun 2016 merangkumi kawasan hakisan sepanjang 800 meter.

Manakala projek di Pantai Sura Dungun adalah di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.